



Headline: Pesara kerajaan diperdaya Macau Scam rugi RM30,000  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 23 August 2018

Language: Malay  
Section: Jenayah  
Page: 55

## Pesara kerajaan diperdaya Macau Scam rugi RM30,000

**Bentong:** Akibat bimbang akaunnya disekat Bank Negara, seorang pesara kerajaan kerugian RM30,000 selepas terpedaya dengan memberikan maklumat akaun banknya kepada anggota sindiket 'Macau Scam' di Taman Seroja Benus, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 4.30 petang itu, mangsa wanita berusia 60 tahun dikatakan menerima panggilan daripada seorang lelaki mendakwa membuat panggilan dari Mahkamah Tinggi Alor Setar sebelum memaklumkan nama mangsa digunakan individu tidak dikenali untuk membuka syarikat.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek kemudian menyambungkan panggilan mangsa yang juga pesara kerajaan kepada seorang wanita lain.

"Suspek kedua (wanita berbangsa India) memberitahu mangsa perlu bercakap dengan pegawai atasannya dikenali sebagai Datuk Sapari yang dikatakan boleh menyelesaikan masalah mangsa.

### Disambung kepada 'Bank Negara'

"Panggilan mangsa kemudian disambungkan kepada suspek ketiga (Datuk Sapari) sebelum talian itu disambungkan kepada pihak kononnya dari Bank Negara," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, suspek keempat yang menyamar kakitangan Bank Negara memaklumkan akaun mangsa sudah disekat kerana mempunyai hutang kira-kira RM19,300 disebabkan nama mangsa digunakan individu lain untuk membuka syarikat.

Beliau berkata, anggota sindiket Macau Scam itu kemudian meminta mangsa memberikan nombor akaunnya bagi tujuan siasatan.

"Tidak lama selepas itu, mangsa yang curiga dengan modus operandi sindiket berkenaan kemudian memeriksa akaunnya dan mendapati baki wangnya hanya tinggal RM2,300 dan berkurangan sebanyak RM30,000," katanya.

Mohd Wazir berkata, mangsa kemudian membuat laporan di Balai Polis Bentong untuk tindakan lanjut.



Mangsa yang curiga memeriksa akaunnya dan dapati baki wangnya

hanya tinggal RM2,300 dan berkurangan sebanyak RM30,000"

**Mohd Wazir Mohd Yusof,**  
Ketua JSJK Pahang